

Perintah satu kaum tidak boleh diterima - PM

UM 10 APR 1982

JERANTUT, 9 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pentingnya rakyat berpegang teguh kepada kerjasama antara kaum seperti yang diasaskan oleh Barisan Nasional untuk mengekalkan kebahagiaan hidup yang wujud sekarang.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini akan hanya dapat hidup aman dan bahagia melalui konsep kerjasama tersebut dan tidak sekali-kali melalui pemerintahan satu kaum sahaja.

"Saya berharap rakyat akan memikir sedalam-dalamnya tentang masalah yang dihadapi oleh negara dan betapa pentingnya keadaan yang ada sekarang dikekalkan," katanya.

Beliau berucap kepada kira-kira 20,000 orang penduduk Jerantut ketika merasmikan bandar baru di kawasan tersebut.

Perdana Menteri mengingatkan: "Janganlah

kita ingin mencuba-cuba apa yang dijanji-janjikan" oleh mereka yang "cuma datang membakar hati kita."

Beliau berkata, Kerajaan Barisan Nasional cuma menjadi hamba kepada Tuhan dan pesuruh kepada rakyat" dan kami akan menjalankan segala tugas untuk kepentingan rakyat."

Untuk mencapai matlamat tersebut tegasnya, kerajaan memerlukan sokongan dari rakyat.

Sambil berseloroh Datuk Sri Dr. Mahathir menambak: "Saya bukan hendak merayu undi dari tuan-tuan dan puan-puan, cuma terlahak sedikit sebab sekarang ini musim pilihanraya."

Beliau menegaskan Barisan Nasional mewakili semua kaum di negara ini dan merupakan satu-satunya gabungan parti-parti politik yang sanggup duduk semeja, untuk membincang dan menyelesaikan masalah rakyat.

Perdana Menteri menarik perhatian hanya Barisan Nasional sahajalah yang percaya dan berpegang teguh kepada prinsip bahawa kekayaan negara mesti diagih-agihkan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum.

Prinsip ini tegasnya, tidak boleh dilaksanakan oleh mana-mana parti yang hanya mengutamakan kepentingan sesuatu kaum sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, parti satu bangsa tidak boleh memerintah negara ini secara aman, tidak kira sama ada ia dipelopori oleh bangsa Melayu, Cina atau India.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan rakyat tentang golongan-golongan yang memelopori politik satu kaum yang akan cuba membangkitkan rasa iri hati di kalangan berbagai kaum dengan tujuan merebut kuasa.

Menurutnya, golongan tersebut ingin mencari jalan mudah untuk menjadi wakil rakyat dan mereka terdiri dari golongan yang tamak untuk membolot segala kekayaan negara untuk kesenangan mereka sahaja.

Perdana Menteri mengingatkan, golongan ini akan mendampingi rakyat dan menghasut mereka supaya bencikan kerajaan.

"Kita tidak harus membiarkan mereka mempengaruhi kita, dan kita harus berpegang teguh kepada konsep kerjasama antara kaum yang diasaskan oleh Barisan Nasional," tegasnya.

Terdahulu dari itu ketika merasmikan lebuhraya len-

congan Kuantan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat kini berada di persimpangan jalan untuk membuat keputusan sama ada mereka bersedia memberikan sokongan yang diperlukan oleh kerajaan ataupun tidak.

Tegasnya, sistem demokrasi sekali lagi memberi hak kepada rakyat untuk memilih apa yang mereka mahu dan siapa yang difikirkan baik untuk memerintah negara ini.

"Rakyat mempunyai kuasa untuk menentukan nasib masa depan mereka dan siapa yang mereka mahu," ujarnya.